

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR 2021

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan promosi di tahun ini demi mempromosikan Tahun Melawat Selangor 2021?
- b) Manakah tempatnya akan diberi tumpuan semasa membuat promosi?
- c) Bilanya rancangan-rancangan promosi akan dimulakan dan dimanakah promosi-promosi akan diadakan (dalam negara atau luar negara)?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah bersedia untuk menjalankan aktiviti promosi sempena penganjuran kempen pelancongan Tahun Melawat Selangor 2021 seperti yang berikut:
 - I. Mempelbagaikan sasaran pasaran pelancongan kepada kategori '*Short haul*' – *Destinasi pelancongan domestik dan Asia Tenggara*', '*Medium haul* – *Destinasi Pelancongan Asia, Australia & Afrika*' dan '*Long haul* – *Destinasi Pelancongan Eropah, Amerika Utara dan Amerika Selatan*'.
 - II. Tumpuan utama kepada sektor pelancongan alam semulajadi (*eco*), sukan, perubatan, pendidikan, pelayaran mewah dan agro.
 - III. Menganjurkan kempen pengiklanan melalui platform digital dan atas talian (*Online*).
 - IV. Mempergiatkan penganjuran kempen promosi dalam negara dan luar negara serta meneroka pasaran baru seperti Rusia, Indonesia dan Australia.
 - V. Pembangunan produk pelancongan klusterisasi yang memfokuskan kepada Pelancongan Eko, Pertanian, Sukan, Perubatan, Pendidikan dan Pelayaran Mewah.
 - VI. Penganjuran Acara Pelancongan berskala antarabangsa pada setiap bulan dan sepanjang tahun.

- VII. Program usahasama bersama penggiat industri pelancongan seperti Hotel, Agensi Pelancongan, Media, Syarikat Penerbangan.
 - VIII. Mengemaskini direktori pelancongan mengikut *trend* dan perkembangan pelancongan terkini.
 - IX. Mempromosikan pakej pelancongan bersepadu seperti pakej '*Experiential Tourism*' melalui program Latihan Hos Komuniti Selangor.
- b) Tempat atau kawasan yang akan diberi tumpuan adalah secara keseluruhan khususnya tempat atau daerah yang mempunyai kawasan serta produk pelancongan. Walaubagaimanapun, pihak Tourism Selangor telah mengenal pasti dan membahagikan produk pelancongan tersebut mengikut kategori dan segmentasi pelancongan seperti eko, budaya, seni, warisan, sukan dan lain-lain lagi agar aktiviti promosi lebih fokus, efektif dan berkesan.
- c) Rancangan promosi Kempen Tahun Melawat Selangor 2021 telah dimulakan bermula dari bulan April 2020 dan fokus tempat atau destinasi bagi aktiviti dan program promosi adalah seperti berikut:-
- I. Peringkat Negeri:- **Daerah di seluruh Negeri Selangor melalui acara pelancongan**
 - II. Peringkat Domestik:- **Negeri di seluruh negara melalui program jelajah Persona Selangor, MATTA Fair dan MITA Fair**
 - III. Peringkat Antarabangsa: **Negara-negara Asia Tenggara, China, India, Jepun, Timur Tengah, Rusia, Australia, Eropah dan Amerika Syarikat.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PERTANIAN BELIA

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi menggalakkan belia menjalankan aktiviti dan perusahaan pertanian.

JAWAPAN:

- a) Sektor pertanian adalah merupakan sektor terpenting di dalam memastikan bekalan makanan negeri dan negara berada pada paras yang mencukupi. Bagi memastikan objektif tersebut tercapai, Dasar Pertanian Negeri Selangor yang merangkumi 5 elemen penting telah digariskan iaitu :-

1. Pertanian Bernilai Tinggi;
2. Pemodelan Pertanian;
3. Pemasaran;
4. Pembangunan Agropreneur; dan
5. Agro Pelancongan.

Melalui dasar tersebut, penglibatan golongan belia amat diberikan perhatian dan galakan untuk mereka ceburi dengan menjadikan sektor pertanian sebagai sumber ekonomi utama mereka.

Bagi menarik golongan tersebut juga, penggunaan peralatan-peralatan moden telahpun diperkenalkan seperti penggunaan Sistem *Internet Of Things* atau lebih dikenali sebagai IoT telah mula mengambil tempat di dalam projek-projek pertanian seperti tanaman berkonsepkan fertigasi, hidroponik dan akuaponik. Penggunaan peralatan-peralatan moden tersebut atau lebih dikenali sebagai gajet pertanian telah menarik minat golongan belia sebagai contoh pengawalan suhu, nutrien tanah, penyakit dan penggunaan baja boleh dikawal menggunakan sistem di atas talian sahaja.

Sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri telahpun menyediakan sebuah kawasan khusus untuk pelaksanaan projek tersebut iaitu di bawah Program Pembangunan Agropreneur Projek Tanaman *Golden Melon* yang terletak di *Selangor Fruit Valley* milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), di mana tapak projek

tanaman menggunakan kaedah penanaman secara hidpronik dengan penggunaan peralatan *airhydroport* yang boleh dikawal penggunaan baja dan dalam masa yang sama juga boleh mengurangkan penggunaan air selaras dengan amalan *precision agriculture*. Program tersebut akan melibatkan seramai 4 agropreneur pada satu-satu masa.

Selain dari itu, kawasan-kawasan baharu untuk pertanian juga telah mula dikenalpasti seperti di Sungai Ayer Tawar dan Sg. Panjang di Daerah Sabak Bernam serta di Daerah Hulu Selangor untuk pelaksanaan projek-projek pertanian yang akan disyaratkan untuk dilaksanakan secara moden dan mempunyai potensi pemasaran yang sangat baik (*market driven*).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : SENARAI HITAM KONTRAKTOR GAGAL

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang menyenarai hitam nama pemilik syarikat (selain syarikat) bagi kontraktor bermasalah dan gagal memenuhi kerja-kerja selepas dilantik oleh PBT?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : SKIM BANTUAN BAS SEKOLAH UNTUK PELAJAR KELUARGA B40 DI
SK DAN SJKC**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluaskan skim bantuan bas sekolah yang kini hanya untuk pelajar SJKT kepada pelajar-pelajar sekolah kebangsaan dan SJKC dari keluarga B40 terutamanya di bandar-bandar?

JAWAPAN:

- a) Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Meru di atas pertanyaan berkenaan subsidi tambang bas sekolah kepada pelajar – pelajar khususnya di negeri Selangor. Saya menyambut baik akan cadangan Yang Berhormat Meru untuk memperluaskan bantuan subsidi bas sekolah untuk pelajar – pelajar Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri tidak mengkhususkan bantuan subsidi tambang bas untuk diberi kepada pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) semata – mata. Namun begitu, bantuan ini adalah dikhaskan kepada anak – anak pekerja ladang yang bersekolah di Negeri Selangor yang mempunyai pendapatan seisi rumah adalah di bawah RM1,500.00 sebulan. Permohonan dibuat melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah masing – masing serta mendapat pengesahan daripada pihak sekolah.

Memang tidak dinafikan bahawa, majoriti daripada anak pekerja ladang di negeri ini bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Dalam hal ini, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa masyarakat pekerja ladang merupakan golongan yang kurang berkemampuan dan miskin. Sebagaimana kita semua sedia maklum, pekerja ladang di negeri ini hampir kesemuanya masih tinggal di kawasan – kawasan pedalaman sama ada di kuarters milik majikan mahupun rumah sendiri di kawasan ladang. Lokasi penempatan mereka adalah jauh dari kemudahan asas seperti yang boleh dikecapi oleh mereka yang tinggal di pekan atau bandar – bandar besar. Kebanyakan para pelajar ini terpaksa menempuh perjalanan yang jauh demi mengejar ilmu dan cita - cita. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika saya katakan bahawa mereka ini sering ketinggalan disebabkan tidak berupaya menghadapi cabaran sebegini. Justeru itu, Kerajaan Negeri berpendapat, mereka

harus diberi peluang untuk mendapatkan kemudahan menggunakan perkhidmatan awam seperti bas sekolah untuk meningkatkan keselesaan berulang - alik.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Meru untuk memperluaskan bantuan subsidi tambang bas sekolah untuk pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, saya berpandangan bahawa adalah lebih wajar perkara ini diletakkan di bawah STANDCO Pendidikan di mana matlamat sebenar Jawatankuasa tersebut lebih memfokuskan kepada kebajikan pelajar di seluruh negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : ISU PEMBANGUNAN TAMAN PUTRA PERDANA

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah PNSB berhasrat membantu menyelesaikan isu tanah MOT di tanah miliknya di Putra Perdana?
- b) Kenapa proses penilaian oleh JPPH ke atas tanah ini berjalan terlalu lambat dan apakah status terkini proses tersebut?

JAWAPAN:

- a) PTD Sepang sedang menyelesaikan isu tanah sebelum MOT boleh diperbuat. PNSB akan memberikan kerjasama bagi menyelesaikan masalah tersebut.
- b) Permohonan diterima untuk maksud Tukar Syarat dari Pejabat Daerah dan Tanah Sepang oleh Tetuan Kenshine Coporation Sdn Bhd dan Permodalan Nasional Berhad (PNSB) di bawah Seksyen 204B Kanun Tanah Negara.
 - i) Permohonan kali pertama melibatkan 7 Plot C,E,F,I,J,K dan L Taman Putra Perdana bertarikh pada 1 April 2019 yang diterima JPPH pada 10 April 2019.
 - o Nilaiian tidak dapat dilaksanakan kerana Pelan Pra Hitungan tidak dibekalkan bersama-sama surat permohonan dan surat memaklumkan penangguhan kes sehingga maklumat dibekalkan dihantar pada 15 April 2019
 - ii) Permohonan kali kedua juga melibatkan 7 Plot C,E,F,I,J,K dan L Taman Putra Perdanan bertarikh 18 Julai 2019 diterima pada 24 Julai 2019.
 - o Nilaiian tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat percanggahan Pelan Pra Hitungan dan senarai pembangunan serta pelan tersebut tiada kelulusan. Permohonan tersebut dikembalikan semula kepada Pejabat Daerah dan Tanah Sepang melalui emel kepada Tuan Kamarulamir bin Kasim,

Penolong Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Sepang pada 29 Julai 2019.

- iii) Permohonan kali ketiga hanya melibatkan 6 plot sahaja iaitu E,F,I,J,K dan L Taman Putra Perdana bertarikh 15 November 2019 diterima pada 2 Disember 2019.
- Sehubungan dengan itu, satu emel telah dihantar kepada pemaju pada 6 Disember 2019 atas arahan Pejabat Tanah yang telah di salinkan kepada Tuan Kamarulmir bin Kasim Penolong Pegawai Daerah PTD Sepang.
 - Emel berkenaan bertujuan untuk mendapatkan kos-kos pembangunan yang terlibat dalam pembangunan Taman Putra Perdana kerana ianya merupakan satu pembangunan yang sangat besar dan komprehensif.
 - Walaubagaimanapun sehingga maklumbalas disediakan, pihak pemaju masih belum menyerahkan kos-kos pembangunan berkenaan.
 - Satu mesyuarat penyelesaian Taman Putra Perdana telah diadakan pada 18 Februari 2020, walaubagaimanapun pihak pemaju dan Permodalan Negeri Selangor Berhad tidak menghadiri mesyuarat berkenaan.
 - Hasil daripada mesyuarat berkenaan JPPH telah diminta untuk menjalankan nilai tanpa mengambilkira kos-kos pembangunan sebenar dari pihak pemaju.
 - Oleh itu, nilai akan dijalankan berdasarkan andaian oleh JPPH. Pihak JPPH sedang menjalankan nilai sepertimana keputusan mesyuarat berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : SELANGOR BUSINESS CAPITAL (SBC)

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status rancangan pembangunan SBC?
- b) Adakah Kerajaan mendapat sebarang pelaburan atau komitmen pelabur baru untuk inisiatif SBC?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, pembangunan Selangor Business Capital adalah di dalam peringkat kajian 'masterplan' (pelan induk) sebelum proses penyediaan pelan Kebenaran Merancang untuk kelulusan pihak majlis tempatan. Satu majlis 'softlaunch' akan diadakan dalam suku kedua tahun ini untuk mempromosi dan memperkenalkan pembangunan ini kepada pelabur-pelabur berpotensi.
- b) Dokumen 'RFiP' sedang disediakan dan akan dibuka kepada mana-mana pelabur yang berminat untuk membuat pelaburan bagi pembangunan Selangor Business Capital selepas majlis 'softlaunch' diadakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PROJEK PELEBARAN JALAN MASUK KAMPUNG TELOK GONG,
PELABUHAN KLANG**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek pelebaran jalan di jalan masuk Kampung Telok Gong, Pelabuhan Klang?

- b) Adakah Kerajaan Negeri menghadapi apa-apa kekangan yang mampu merencatkan usaha tersebut tersebut?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : ISU WARGA ASING DAN PELARIAN

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri pernah melakukan banciaan isi rumah warga asing di kawasan DUN Teratai?

- b) Jika tidak, adakah perancangan melaksanakan banciaan susulan lambakan warga asing yang tidak terkawal Di Pandan Mewah, Tasek Permai dan Tasek Tambahan?

JAWAPAN:

- a) MPAJ tidak pernah melakukan banciaan isi rumah warga asing di kawasan DUN Teratai.

- b) Buat masa kini tiada perancangan melaksanakan banciaan susulan lambakan warga asing di Pandan Mewah, Tasek Permai dan Tasek Tambahan. Hal ini kerana, kawalan terhadap warga asing adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia. Walaubagaimanapun, pihak MPAJ mengambil inisiatif dengan menjalankan operasi bersepadu bersama-sama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia. Pada tahun 2019 sebanyak 6 operasi bersepadu telah dijalankan meliputi dua (2) operasi di Pandan Mewah, satu (1) operasi setinggan di Pandan Jaya, satu (1) operasi di Tasek Permai / Tasek Tambahan, berembang dan (1) operasi di Flat Seri Nilam

TAHUN	BIL. TINDAKAN	KAWASAN
2019	2	Pandan Mewah
	1	Setinggalan Pandan Jaya
	1	Tasek Permai / Tambahan
	1	Berembang
	1	Flat Seri Nilam
JUMLAH	6	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB) SELANGOR

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi tahunan bilangan program dan implikasi kewangan PWB Selangor sejak ia ditubuhkan (2014 - kini).
- b) Adakah cadangan penambahan peruntukan program PWB untuk masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Tanjung Sepat, bagi tahun 2018, perjawatan Penyelia-penyelia PWB telah ditamatkan sebaik sahaja pembubaran DUN berlaku pada bulan April 2018. Pelantikan Penyelia-penyelia PWB yang baru hanya dapat dilaksanakan pada 1 September 2018, setelah melalui proses pemilihan dan temuduga. Justeru itu, laporan program-program yang akan saya bentangkan ini adalah program-program yang dijalankan bermula bulan September 2018 sehingga Disember 2019 sebagaimana berikut:

Tahun	Bilangan Program	Jumlah perbelanjaan
September – Disember 2018	479	RM877,483.75
Januari – Disember 2019	1319	RM2,617,205.68

- b) Buat masa ini tiada cadangan penambahan peruntukan bagi Program Pusat Wanita Berdaya (PWB) untuk masa akan datang. Namun, program Pusat Wanita Berdaya (PWB) akan menggunakan peruntukan sedia ada dengan membuat perbelanjaan secara berhemah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PENGELUARAN WARTA HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur yang perlu dipatuhi untuk mengeluarkan sesuatu warta hutan simpan?
- b) Apakah kerosakan yang telah berlaku di Hutan Simpan Kuala Langat Utara ini sehingga ianya tidak berbaloi untuk dikekalkan sebagai Hutan Simpan?

JAWAPAN:

- a) Pihak Kerajaan Negeri Selangor telah menambah baik Seksyen 11 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 pada A23 berdasarkan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2011 dengan memasukkan proviso “semua pengeluaran Hutan Simpanan Kekal perlu melalui Kaedah Penyiasatan Awam seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri” iaitu seperti di Carta Alir yang di **Lampiran 2**.

Sebagai makluman, negeri Selangor adalah merupakan negeri pertama dan satu-satunya negeri di Malaysia yang telah menguatkuasakan Kaedah Penyiasatan Awam sebagai syarat di dalam prosedur penyahwartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

- b) Insiden kebakaran telah berlaku di HSK Kuala Langat Utara ini yang memusnahkan sebahagian kawasan HSK sehingga mengalami kemerosotan kualiti hutan (degradasi). Berdasarkan rekod, dari tahun 2012 hingga 2017 seluas ±359.60 ha @ ±888.21 ekar kawasan hutan ini telah terbakar. Ini menjadikan sebanyak 30-40% daripada keseluruhan kawasan HSK Kuala Langat Utara telah mengalami kemerosotan akibat kebakaran hutan. Berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan Bagi Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan 2017-2021, jumlah peratusan kawasan ini telah dikategorikan sebagai kawasan berisiko tinggi (Zon Merah) di dalam Peta Zon Risiko Kebakaran.


Justeru itu, tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi isu kebakaran hutan ini akan melibatkan sejumlah peruntukan yang besar. Dianggarkan sejumlah RM 1 juta diperlukan dalam pelaksanaan program pencegahan dan operasi pemadaman kebakaran hutan dalam satu masa. Kos ini meliputi projek pembinaan telaga tiub, pembinaan *fire break*, pengaktifan telaga tiub, sewaan jentera semasa kebakaran, penggunaan pesawat *bombardier* dan lain-lain keperluan logistik. Berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang tinggi ini, Kerajaan Negeri perlu meneliti sebaiknya keperluan pengekalan HSK ini serta pulangan ekonomi melalui kaedah seperti Kajian *Cost Benefit Analysis* (CBA).

Kerosakan utama yang dihadapi di HSK Kuala Langat Utara ini adalah risiko berlakunya kebakaran hutan yang berulang, ancaman penerokaan tanah oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan kepesatan pembangunan guna tanah di sekelilingnya.

Walaupun bagaimanapun, melalui Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam yang sedang dijalankan, segala bantahan yang diterima akan diteliti dan kajian-kajian lanjut yang dijalankan akan menjadi asas pertimbangan dan seterusnya mengesyorkan opsyen-opsyen yang wajar sama ada penyahwartaan HSK boleh diteruskan atau sebaliknya.

Lampiran 2

CARTA ALIR PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PEWARTAAN KELUAR HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) MELALUI KAEDAH PENYIASATAN AWAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : ISU KERAPNYA PAIP PECAH

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri bagi menangani isu kekerapan paip pecah ini khususnya di DUN Taman Templer?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan meluluskan projek membaik pulih paip pecah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bagi mengatasi isu paip pecah di kawasan ini, Air Selangor telah mengambil tindakan berikut:

1. Membuat pembentukan District Metering Zone (DMZ) bertujuan untuk memantau dan mengawal tekanan air di dalam paip secara berterusan bagi mengurangkan berlakunya kejadian paip pecah. Sebelas (11) DMZ telah dibentuk di dalam kawasan N15 Taman Templer, seperti di senarai :

- i. GB.089 FRIM
- ii. GB.081 Selayang Utama
- iii. GB.001 Taman Selayang Jaya
- iv. GB.042 Selayang Pandang
- v. GB.034 Taman Sri Melati
- vi. GB.033 Taman Bidara
- vii. GB.052 Taman Bukit Idaman
- viii. GB.075 Selayang Baru Fasa 3
- ix. GB.305 Bandar Baru Selayang Zone 3
- x. GB.301 Bandar Baru Selayang Zone 2
- xi. GB.114 Bandar Baru Selayang (Zone 1)

2. Untuk kejadian paip pecah yang masih berlaku walaupun dengan kawalan tekanan (kawasan di dalam DMZ), jajaran paip terlibat dikenalpasti dan disenaraikan di dalam senarai keutamaan penggantian paip di bawah program penggantian paip. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program penggantian paip bergantung kepada belanjawan yang diluluskan.

3. Sekiranya paip pecah berlaku di luar kawasan DMZ, kajian dan perancangan akan dibuat bagi membentuk *Pressure Management Zone* (PMZ). Tujuan pembentukan PMZ adalah sama seperti DMZ, tetapi pada skala yang lebih kecil.
- b) Air Selangor akan mengenalpasti jajaran paip yang kerap pecah walaupun telah dibaikpulih dan menyenaraikan paip tersebut di dalam senarai keutamaan penggantian paip di bawah Program Penggantian Paip yang dirancang pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, kelulusan dan pelaksanaan program penggantian paip ini bergantung kepada peruntukan sediada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KELEMBAPAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan langsung kepada Selangor akibat kelembapan pertumbuhan ekonomi negara yang mencatatkan penurunan 6 suku tahun berturut-turut?
- b) Nyatakan pelan tindakan Kerajaan Negeri sebagai langkah kesediaan untuk menghadapi kemungkinan yang lebih buruk lagi?

JAWAPAN:

- a) Walaupun berdepan dengan kelembapan pertumbuhan beberapa rakan dagang utama ekoran beberapa faktor termasuk perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China, Malaysia adalah antara kumpulan kecil negara di rantau ini yang menikmati pertumbuhan suku kedua yang lebih pantas berbanding suku pertama. Sebagai sebuah negara perdagangan yang kecil, ekonomi Malaysia terdedah kepada keadaan ekonomi dunia. Oleh yang demikian, kebergantungan kepada sektor domestik untuk memacu pertumbuhan ekonomi adalah amat penting.

Negeri Selangor sebagai negeri penyumbang utama Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara tidak terkecuali mendapat tempias daripada kelembapan pertumbuhan di peringkat global dan nasional. Walau bagaimanapun, sumbangan sebanyak 23.7 peratus Selangor kepada Malaysia pada tahun 2018 membuktikan kestabilan ekonomi Selangor melalui pengukuhan aspek tadbir urus dan polisi yang efektif. Pertumbuhan ekonomi Selangor juga mencatatkan peratusan melebihi kadar pertumbuhan nasional iaitu pada kadar 6.8 peratus berbanding 4.7 peratus. Nilai ditambah aktiviti ekonomi memperlihatkan peningkatan kepada RM322.6 bilion berbanding RM301.9 bilion pada 2017.

Prestasi pelaburan di Selangor juga terus mengukuh dibuktikan menerusi kelulusan jumlah pelaburan sebanyak RM18.9 bilion yang membabitkan RM8.1 bilion pelaburan domestik dan RM10.8 bilion pelaburan asing pada tahun 2018 dengan pelabur utama daripada negara seperti Japan, China dan Singapura yang dijangka menjana 26,492 peluang pekerjaan baharu. Yang terkini, Selangor mengekalkan reputasi sebagai negeri pilihan utama pelabur di negara ini apabila

merekodkan pelaburan RM16.4 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama 2019, iaitu dua kali ganda berbanding tempoh masa sama pada tahun 2018 yang hanya mencatatkan sebanyak RM8.3 bilion mengikut statistik dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Kesemua data ini menunjukkan kestabilan yang dikecapi oleh Negeri Selangor hasil dari kecekapan tadbir urus bagi mengatasi ancaman luar yang boleh mengganggu gugat prestasi ekonomi dan kemakmuran negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak akan terleka dan akan terus memacu pembangunan negeri bagi memastikan pertumbuhan pada kadar positif dan memberangsangkan.

- b) Melihat kepada situasi yang sedang berlaku pada masa kini ditambah dengan penularan Coronavirus yang sedang meruncing, adalah tidak mustahil ekonomi di setiap negara akan mengalami kesukaran. Orang ramai perlu memahami cabaran ekonomi semasa supaya mampu mengambil langkah yang sewajarnya. Perlu juga diingat bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia masih positif tetapi perlahan. Bermakna negara tidak mengalami kemelesetan ekonomi. Berkemungkinan tidak ramai pekerja yang akan kehilangan pekerjaan, tetapi pada masa yang sama tidak banyak pekerjaan baru akan diwujudkan. Kesannya, para pencari pekerjaan baru mungkin akan mengalami kesukaran. Untuk mengatasi isu ini, para graduan digalakkan untuk bekerja sendiri dengan menceburkan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang mampu memberi nilai tambah yang tinggi. Antaranya seperti aktiviti pengeluaran pertanian yang berbentuk komersial atau aktiviti-aktiviti hilirannya seperti pemprosesan, pengagihan dan sebagainya.

Di Selangor, pelbagai bantuan disediakan oleh kerajaan untuk membantu bakal usahawan untuk memulakan aktiviti mereka. Pembentukan dan penglibatan usahawan begini bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah kekurangan pekerjaan disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang perlahan, malah ianya memberi sumbangan yang lebih bermakna untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri di masa hadapan. Sektor makanan dan minuman menjana RM18 juta nilai pelaburan selain membuka 50,000 peluang pekerjaan di negeri Selangor. Kejayaan ini didorong oleh polisi Kerajaan Negeri yang membuka ruang kepada syarikat pembuatan mengeksport produk itu ke seluruh dunia. Usahawan mikro produk makanan dan minuman memberi impak memacu pertumbuhan ekonomi sehingga sektor tersebut menjadi kluster kelima terpenting di Selangor. Paling membanggakan apabila usahawan industri kecil dan sederhana juga mencatatkan peningkatan setiap tahun.

Golongan peniaga juga disarankan supaya melakukan revolusi perindustrian iaitu perubahan model perniagaan kepada e-dagang bagi mendapat manfaat daripada pertumbuhan KDNK. Model perniagaan e-dagang diguna pakai di seluruh dunia dan aktiviti ini menunjukkan peningkatan sebanyak 10 peratus berbanding tahun lepas. Di Selangor, pembangunan ekonomi digital melalui e-dagang yang dipacu oleh Majlis Teknologi Maklumat dan E-Dagang Selangor (SITEC) mampu terus ke hadapan memandangkan industri berkenaan menjadi perhatian dunia masa kini. Pembangunan masa hadapan secara berterusan dalam bidang ini boleh menjadi salah satu sumber ekonomi negeri dan rakyat di negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan memastikan setiap pembangunan dan aktiviti bidang ini sentiasa berada di landasan yang betul bagi memastikan ia terus berjaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2020

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk program pelancongan untuk tahun Melawat Malaysia 2020?
- b) Berapakah jangkaan pelancongan dan keuntungan yang akan diperolehi Kerajaan Negeri Selangor atas program Melawat Malaysia 2020?
- c) Apakah rancangan program pelancongan yang melibatkan kawasan DUN Rawang?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor telah bersedia melalui perancangan strategik promosi pelancongan bagi menyokong kempen Melawat Malaysia 2020 seperti yang berikut:
 - I. Meningkatkan Penyertaan Siri Promosi Pelancongan Dalam dan Luar Negara;
 - II. Penganjuran Program FAM Trip Yang Lebih 'Market-Focused';
 - III. Penganjuran Acara Pelancongan Bertaraf Antarabangsa di Negeri Selangor;
 - IV. Memperkasakan Kempen Promosi Pelancongan dan Pengiklanan Pelancongan Negeri;
 - V. Memberi Penekanan Kepada Segmen Pelancongan Fokus

PERINCIAN STRATEGI:

- a. Bagi meningkatkan penyertaan siri promosi pelancongan dalam dan luar negara, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan UPEN telah bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan menyertai beberapa siri promosi di luar negara seperti World Tourism

Mart (WTM) London, ITB Berlin, Arabian Travel Market (ATM) Dubai, dan beberapa lagi yang akan dikenalpasti oleh pihak Tourism Malaysia.

- b. Penyertaan Kerajaan Negeri di peringkat Antarabangsa akan lebih memberi fokus kepada strategi B2B (Business to Business) & B2C (Business to Consumer) bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke negeri Selangor melalui pendedahan, penjualan pakej pelancongan dan kerjasama yang akan dimeterai bersama operator pelancongan di luar negara. Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan “Sales Mission” mengikut pasaran fokus pelancongan Negeri Selangor seperti Jepun, India dan China. Program ini juga akan dipanjangkan kepada pasaran yang baharu seperti Eropah, Timur Tengah dan Australia. Bagi pasaran domestik pula, penyertaan di dalam program expo promosi seperti MATTA Fair, MITA Fair Program Promosi Jelajah Negeri dan Skwad Kembara Sekolah akan dipergiatkan lagi.
- c. Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor akan bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penggiat industri pelancongan dan kebudayaan di dalam penganjuran FAM Trip bersama media dan operator agensi pelancongan untuk melawat, melihat dan merasai sendiri pengalaman produk pelancongan yang berpotensi di Negeri Selangor. Pendekatan kaedah FAM Trip yang lebih kreatif dan bersahaja dengan penyertaan Media Influencer serta *Key Opinion Leader* (KOL) diyakini akan memberi liputan, impak dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh.
- d. Bagi perancangan tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor turut menyasarkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa seperti Selangor International Indigenous Art Festival 2020, Malaysia Women Marathon 2020, Selangor TwinCity Marathon 2020, Tourism Selangor Golf Championship 2020, Selangor Raja Muda International Regatta 2020, Golf Open 2020, Retromania Gathering dan Wings of KKB 2020 yang terbukti memberi impak kepada keseluruhan kedatangan pengunjung domestik dan luar negara. Kerajaan Negeri juga akan memberikan sokongan di dalam penganjuran acara Super GT Malaysia 2020 di SIC Sepang pada 17 & 18 Julai 2020 yang dijangka akan menarik ramai pelancong diperingkat antarabangsa dan rantau Asia Tenggara.

- e. Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu dengan padu dan sistematik, Kerajaan Negeri terus meneruskan komited dan akan melancarkan kempen Tahun Melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen Melawat Malaysia 2020.
- f. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa seperti:
 - i. Pengiklanan *Billboard 'Unipole'* di 5 lokasi strategik termasuk Langkawi, Penang, Melaka, Johor Bharu dan Perak;
 - ii. Pengiklanan *Digital Out Of Home* di tujuh (7) lokasi strategik termasuk KLIA, KLIA2, Kota Kinabalu International Airport, Stesyen Utama ETS dan BTS, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah serta di sepanjang Lebuhraya Persekutuan;
 - iii. Pengiklanan Digital menerusi platform KLIA TV di KLIA dan KLIA2;
 - iv. Pengiklanan di pesawat penerbangan termasuk *Internal Compartment Wrap*; serta
 - v. Promosi media sosial termasuk Facebook, Instagram, Google, serta WeChat dan Weibo dalam bahasa asing bagi segmen pasaran luar negara.

Perancangan aktiviti promosi ini akan diperincikan mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan semasa bagi memastikan kempen promosi pelancongan mempunyai nilai pulangan ROI (*Return of Investment*) yang tinggi dan berkesan.

- g. Melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri telah mengenal pasti beberapa segmen pelancongan yang berpotensi menarik lebih banyak pelancong berkunjung dan melawat ke Negeri Selangor. Antaranya adalah:-
 - I. Pelancongan Sukan Golf
 - II. Pelancongan Perubatan dan Kesihatan (Medical & Wellness)
 - III. Pelancongan Cruise (Kapal Persiaran Mewah)
- h. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri juga menyasarkan untuk memperkasakan serta menjenamakan Negeri Selangor sebagai pusat pelancongan golf utama negara dan memberi tumpuan dan sokongan kepada penganjuran kejohanan golf bertaraf antarabangsa.

- i. Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada aktiviti promosi pelancongan perubatan dan kesihatan dengan kerjasama MHTC (*Malaysia Healthcare Tourism Council*) dalam beberapa penganjuran program promosi tempatan mahupun antarabangsa seperti pameran expo pelancongan, FAM Trip dan Majlis Anugerah.
 - j. Selari dengan agenda Klusterisasi Ekonomi Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri akan memberikan fokus terhadap pelancongan pelayaran mewah (Cruise Tourism) yang telah dikenal pasti di bawah Kluster Pelabuhan dan Maritim. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di BCC, Klang pada tahun 2020 yang dijangka akan memberi liputan, pendedahan dan nilai tambah kepada industri pelancongan negeri untuk jangka masa panjang.
- b) Jangkaan pelancongan dan keuntungan yang akan diperolehi Kerajaan Negeri Selangor atas program Melawat Malaysia 2020 adalah seperti berikut:-
- I. Sasaran Pelancong: **8 juta orang**
 - II. Pecahan Pelancong: **60% Domestik, 40% Antarabangsa**
 - III. Sasaran Resit Pelancongan: **RM 15 Billion**
- c) Antara usaha yang telah dan akan dijalankan bagi rancangan program pelancongan yang melibatkan kawasan pelancongan di DUN Rawang adalah seperti berikut:-
- i) **Pengiklanan Media Cetak dan Bahan Terbitan**
- Tourism Selangor juga mempromosikan pelancongan melalui pengiklanan media cetak seperti akhbar, majalah dan risalah promosi. Poster informasi beserta laporan dan artikel diperbanyakkan di media tempatan dan bertaraf antarabangsa.
- Selain itu, Tourism Selangor juga menerbitkan risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan informasi pelancongan di DUN Rawang. Antaranya seperti, Selangor Breakaway, The Best of Selangor dan Buku Terokai Kehijauan Selangor.

ii) Program Promosi Dalam dan Luar Negara

Pihak Tourism Selangor mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan di Rawang di dalam siri promosi di dalam dan luar negara yang disertai bagi tahun 2020. Program promosi dalam negara yang disertai oleh Tourism Selangor seperti Program MATTA Fair (2 kali setahun), Malaysia Inbound (MITA) Travel Fair, Program Skwad Kembara Sekolah dan Kuala Lumpur Photography Festival.

iii) Hebahan melalui Laman web dan Media Sosial Tourism Selangor

Tourism di dalam laman web rasmi akan sentiasa mempromosi produk pelancongan di Rawang serta memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat. Laman web Tourism Selangor boleh dilayari melalui <http://www.selangor.travel>. Laman Media sosial Tourism Selangor mempunyai jumlah pengikut yang ramai melebihi 300,000 orang pengikut dalam dan luar negara.

iv) Penganjuran Program FAM Trip (Familiarization Trip)

Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak Majlis Perbandaran Selangor serta produk-produk pelancongan di Rawang untuk menganjurkan sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan dan agensi media tempatan dan antarabangsa sepanjang Tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : KILANG TANPA IZIN

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kilang tanpa izin (KTI) mengikut pihak berkuasa tempatan.
- b) Senaraikan KTI yang telah berdaftar dalam program pemutihan KTI.
- c) Senaraikan KTI yang telah berjaya mendapat kelulusan dan sebaliknya.

JAWAPAN:

- a) Statistik kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Bancian yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) terhadap kilang tanpa kebenaran adalah seperti di jawapan (a). PBT dan PDT akan menyenaraikan kilang-kilang tanpa kebenaran untuk pengumpulan maklumat bagi tindakan penguatkuasaan setelah Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor tamat pada 30 September 2020.
- c) Statistik bagi permohonan mengubah kategori dan tukar syarat tanah di bawah seksyen 124(1)(a) dan (c) adalah seperti berikut;

BIL.	DAERAH	BIL. MOHON TUKAR SYARAT	LULUS
1.	PETALING	6	6
2.	KLANG	9	9
3.	GOMBAK	1	1

4.	HULU LANGAT		
5.	SEPANG	2	2
6.	KUALA LANGAT		
7.	KUALA SELANGOR		
8.	HULU SELANGOR		
9.	SABAK BERNAM		
JUMLAH		18	18

LAMPIRAN 1

**STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT KAWASAN DEWAN
UNDANGAN NEGERI (DUN) SEHINGGA DISEMBER 2015
(KEMASKINI PADA 23.11.2018)**

Bil.	Daerah	PBT	Jumlah		Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN)						
			Lot	Kilang	Kawasan DUN			Jumlah Yang Telah Diputihkan	Jumlah Yang Belum Diputihkan		
1.	Petaling	MBSA	787	705	Seksyen U3	N38	Paya Jaras	3	14		
						N39	Kota Damansara	3	14		
					Seksyen U4	N38	Paya Jaras	6	95		
						N39	Kota Damansara	6	94		
					Seksyen U6	N39	Kota Damansara	26	57		
						N40	Kota Anggerik	27	58		
					Seksyen U14	N42	Meru	0	3		
					Seksyen U15	N42	Meru	0	3		
					Seksyen U19	N38	Paya Jaras	4	145		
						N39	Kota Damansara	3	144		
					MBPJ	20	20	Bandar Utama		0	17
								Kampung Tunku		0	3
					MPSJ	145	252	N28	Seri Kembangan	0	104
								N29	Seri Serdang	0	18
		N30	Kinrara	0				38			
		N31	Subang Jaya	0				88			
		N50	Seri Muda	0				4			
		JUMLAH			952	977	JUMLAH			78	899

Bil.	Daerah	PBT	Jumlah		Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN)						
			Lot	Kilang	Kawasan DUN			Jumlah Yang Telah Diputihkan	Jumlah Yang Belum Diputihkan		
2.	Klang	MBSA	226	227	Seksyen 16	N40	Kota Anggerik	4	37		
					Seksyen 25	N50	Sri Muda	1	22		
					Seksyen 32	N50	Sri Muda	1	45		
					Seksyen 34	N49	Sungai Kandis	3	37		
					Seksyen 35	N49	Sungai Kandis	1	21		
					Seksyen 36	N48	Sentosa	0	26		
		N49	Sungai Kandis	3		26					
		MPK	535	623	N40	Kota Anggerik	2	0			
					N41	Batu Tiga	0	6			
					N42	Meru	15	63			
					N43	Sementa	6	199			
					N44	Selat Klang	4	38			
					N45	Bandar Baru Klang	6	24			
					N46	Pelabuhan Klang	59	78			
					N47	Pandamaran	1	3			
					N48	Sentosa	5	88			
					N49	Sungai kandis	2	24			
		JUMLAH			761	850	JUMLAH			113	737

Bil.	Daerah	PBT	Jumlah		Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN)			
			Lot	Kilang	Kawasan DUN		Jumlah Yang Telah Diputihkan	Jumlah Yang Belum Diputihkan
3.	Hulu Langat	MPKj	351	389	N23	Dusun Tua	4	2
					N24	Semenyih	22	40
					N25	Kajang	9	13
					N26	Sungai Ramal	23	19
					N27	Balakong	178	79
		MPAJ		39	Bukit Antarabangsa	0	39	
JUMLAH			351	428	JUMLAH		236	192
4.	Gombak	MPAJ	0	0	-		-	-
		MPS	77	137	N13	Kuang	-	16
					N14	Rawang	4	37
					N16	Sungai Tua	9	51
					N37	Bukit Lanjan	10	10
JUMLAH			77	137	JUMLAH		23	114
5.	Sepang	MPSp	64	55	N55	Dengkil	47	0
					N56	Sungai Pelek	8	0
					JUMLAH			64
6.	Kuala Langat	MDKL	177	196	N51	Sijangkang	62	26
					N52	Banting	19	33
					N53	Morib	11	11
					N54	Tanjung Sepat	3	24
					N55	Dengkil	3	4
JUMLAH			177	196	JUMLAH		98	98
7.	Kuala Selangor	MDKS	149	149	N08	Sungai Burong	1	6
					N09	Permatang	1	23
					N10	Bukit Melawati	1	27
					N11	Ijok	1	44
					N12	Jeram	3	42
JUMLAH			149	149	JUMLAH		7	142

Bil.	Daerah	PBT	Jumlah		Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN)		
			Lot	Kilang	Kawasan DUN	Jumlah Yang Telah Diputihkan	Jumlah Yang Belum Diputihkan
8.	Hulu Selangor	MDHS	23	53	Kuala Kubu Baru	4	4
					Batang Kali	11	22
					Hulu Bernam	1	11
					JUMLAH	23	53
9.	Sabak Bernam	MDSB	24	22	N01 Sungai Air Tawar	0	1
					N02 Sabak	2	5
					N03 Sungai Panjang	0	4
					N04 Sekinchan	2	8
					JUMLAH	24	22
JUMLAH			2,578	2,867	JUMLAH	630	2,237

***Nota: "Jumlah yang telah diputihkan" bermaksud jumlah kilang yang telah mempunyai kelulusan tukar syarat, pelan kebenaran merancang dan pelan bangunan. Maklumat tersebut diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PENGGANTIAN JAMBATAN SUNGAI RAMBAI KECIL, JALAN B5
KELANG BANTING**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini penggantian Jambatan Sungai Rambai Kecil, Jalan B5 Kelang Banting yang dijangka siap pada 19 Julai 2020?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : KHAIRAT KEMATIAN

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengkaji balik cara pengendalian program SMUE yang telah menimbulkan masalah logistik dan memberi ketidakpuasan kepada masyarakat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedang dalam penelitian bagi mengkaji semula cara pengendalian program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak Pusat Khidmat DUN dan juga penerima manfaat.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk menangguhkan sementara waktu Program Jom Shopping Warga Emas yang kebiasaannya dibuat secara berkumpulan memandangkan penularan wabak Covid-19 yang melanda Negara ini.

Bagi memastikan para peserta SMUE masih mendapat manfaat daripada program ini, Kerajaan Negeri memutuskan untuk baucer Jom Shopping Warga Emas ini masih boleh dituntut oleh para peserta atau wakil yang berdaftar di semua Pusat Khidmat DUN, dan baucer tersebut perlu dituntut dan dibelanjakan oleh mereka secara individu dalam tempoh 2 minggu dari tarikh tuntutan baucer yang akan diumumkan.

Kerajaan Negeri juga sentiasa terbuka untuk menerima sebarang cadangan dan pandangan bagi tujuan penambahbaikan kaedah pengendalian program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila berikan bilangan projek rumah Selangorku yang habis dijual dan bilangan projek yang tidak dapat habis dijual?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, jumlah projek **Rumah Selangorku** yang habis dijual sehingga 15 Februari 2020 adalah sebanyak **30,028 unit** manakala baki unit yang masih belum terjual / jumlah pemohon yang masih belum memuktamadkan atau menandatangani perjanjian Jual-Beli adalah sebanyak **5,887 unit**.

Berdasarkan baki kekosongan Rumah Selangorku sebanyak 5,887 unit tersebut, proses penawaran nama kepada pemohon telah dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah Selangorku dan Hartanah Harga Kawalan yang diurusetikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Namun demikian, pemohon tersebut masih dalam proses menyelesaikan urusan pembelian rumah melibatkan proses mengemukakan dokumen untuk semakan dan pengesahan LPHS, proses pengeluaran surat tawaran di LPHS, proses pemilihan unit rumah di peringkat pemaju, dalam proses mendapatkan pembiayaan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan / bank dan sebagainya sebelum proses perjanjian Jual-Beli ditandatangani. Oleh itu, baki unit kosong tersebut masih dalam proses penjualan kepada pemohon sehingga urusan menandatangani Perjanjian Jual selesai.

Sehingga kini, jumlah permohonan dalam senarai menunggu dalam Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Selangor (SPPR) masih terdapat **55,229 pemohon berdaftar** yang boleh ditawarkan unit kosong akan datang namun kebarangkalian pemohon yang layak dan berjaya mendapatkan pinjaman perumahan dianggarkan seramai 50% iaitu 27,615 pemohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : BINA BARU PEJABAT RASMI ADUN KAWASAN

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tidak adakah cadangan Kerajaan Negeri untuk membina bangunan tetap untuk pejabat ADUN kawasan yang lengkap supaya YB ADUN tidak perlu menyewa premis kedai?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KONTRAKTOR KDEB

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan penjadualan kutipan sampah mengikut kawasan Hulu Selangor?
- b) Nyatakan bilangan kontraktor yang dianugerahkan kontraktor pembersihan kawasan dan apakah kriteria utama bagi menilai prestasi kerja pembersihan?

JAWAPAN:

- a) Kekerapan kutipan sampah di semua PBT yang dikendalikan oleh KDEBWM adalah seragam termasuk di kawasan Hulu Selangor. Bagi kawasan perumahan atas tanah (*landed property*), kekerapan kutipan adalah tiga (3) kali seminggu sama ada hari Isnin, Rabu, Jumaat atau Selasa, Khamis dan Sabtu. Bagi kawasan rumah bertingkat (*strata*) dan komersial, kekerapan kutipan adalah tujuh (7) kali seminggu (setiap hari). Jadual kutipan sampah akan dihantar oleh KDEBWM secara berkala ke MDHS untuk semakan dan bagi tujuan pemantauan. Jadual kutipan juga telah diedarkan kepada ahli - ahli majlis termasuk di dalam kawasan DUN Hulu Bernam. Jadual kutipan turut diberikan kepada wakil -wakil penduduk berdasarkan permintaan. Untuk jadual kutipan yang terperinci, pihak YB bolehlah berhubung terus dengan Pejabat KDEBWM Cawangan Hulu Selangor yang terletak di Batang Kali.
- b) Untuk kerja-kerja pembersihan awam, daripada keseluruhan dua belas (12) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), KDEBWM telah beroperasi di sebelas (11) PBT kecuali Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Bilangan keseluruhan kontrak pembersihan awam yang telah dianugerahkan oleh KDEBWM kepada sub-kontraktor di sebelas (11) PBT adalah sebanyak 518. Bagi kawasan Hulu Selangor, bilangan kontrak pembersihan awam yang telah diberikan kepada sub-kontraktor adalah sebanyak 34. Kriteria utama dalam menilai prestasi kerja pembersihan yang dijalankan adalah berdasarkan jumlah aduan yang diterima dan juga jumlah Notis Tindakan Pembedulan (NTP) yang dikeluarkan. Setiap aduan yang diberikan akan disemak kesahihannya oleh pihak KDEBWM dan dimajukan kepada pihak sub-kontraktor untuk tindakan lanjut dalam tempoh 24 jam. Sekiranya dalam tempoh 24 jam aduan masih tidak diambil sebarang tindakan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengeluarkan Notis Tindakan Pembedulan

(NTP) kepada KDEBWM yang melibatkan denda penolakan bayaran mengikut kadar tertentu dan pemotongan markah demerit seperti yang telah dipersetujui oleh KDEBWM bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan. KDEBWM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk menamatkan perkhidmatan mana-mana kontraktor yang tidak menunjukkan tahap prestasi yang telah ditetapkan oleh KDEBWM dan juga PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : MASALAH PAIP AIR KERAP PECAH

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan untuk mengatasi masalah paip air masih kerap pecah di kawasan DUN Sentosa ?

JAWAPAN:

- a) Bagi mengatasi isu paip pecah di kawasan DUN Sentosa, Air Selangor telah mengambil tindakan berikut:
- i. Membuat pembentukan *District Metering Zone* (DMZ) bertujuan untuk memantau dan mengawal tekanan air di dalam paip secara berterusan bagi mengurangkan berlakunya kejadian paip pecah. Bagi kawasan N.48 Sentosa sebanyak 32 DMZ telah dibentuk, melibatkan anggaran 41,492 akaun.
 - ii. Untuk kejadian paip pecah yang masih berlaku walaupun dengan kawalan tekanan (kawasan di dalam DMZ), jajaran paip terlibat dikenalpasti dan disenaraikan di dalam senarai keutamaan penggantian paip di bawah program penggantian paip. Walau bagaimanapun, kelulusan dan pelaksanaan program penggantian paip bergantung kepada belanjawan sediaada dan kelulusan.
 - iii. Sekiranya paip pecah berlaku di luar kawasan DMZ, kajian dan perancangan akan dibuat bagi membentuk *Pressure Management Zone* (PMZ). Tujuan pembentukan PMZ adalah sama seperti DMZ, tetapi pada skala yang lebih kecil.